

LATIHAN OBJEKTIF TINGKATAN 5 BAB 7

1. Apakah takrif integrasi nasional dalam proses pembangunan negara?
 - A. Perpaduan rakyat yang erat
 - B. Ketelusan dalam kepimpinan
 - C. Pembebasan tanah air daripada penjajah
 - D. Hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah

2. Bagaimanakah penjajahan British membawa kesan kepada perkembangan masyarakat negara kita yang berbilang kaum?
 - A. Tidak patriotik
 - B. Mementingkan diri
 - C. Kurang berinteraksi
 - D. Menolak usaha integrasi nasional

3. Senarai berikut berkaitan dengan usaha kerajaan selepas merdeka.
 - Jabatan Perpaduan Negara
 - Majlis Muhibah Negara
 - Majlis Perundangan Negara

Apakah persamaan matlamat penubuhan jabatan dan majlis tersebut?

 - A. Memupuk perpaduan rakyat
 - B. Menjamin kemakmuran negara
 - C. Melicinkan sistem pentadbiran
 - D. Mengukuhkan sistem perundangan

4. Apakah faktor kerenggan hubungan kaum semasa pentadbiran British di negara kita?
 - A. Pembukaan bandar
 - B. Pembinaan jalan raya
 - C. Pengenalan mata wang
 - D. Pemisahan penempatan

5. Gambar berikut menunjukkan perkhidmatan Feri Malaysia.



Apakah matlamat pengenalan perkhidmatan tersebut?

- A. Mengintegrasikan penduduk
 - B. Memajukan sektor perkapalan
 - C. Mewujudkan peluang pekerjaan
 - D. Menggalakan pengangkutan air
6. Apakah kesan sistem pendidikan vernakular semasa pentadbiran British?
- A. Meningkatkan taraf hidup peribumi
 - B. Melahirkan masyarakat berkemahiran
 - C. Menyatukan penduduk berbilang kaum
 - D. Mewujudkan perbezaan pemikiran antara kaum
7. Bagaimanakah usaha kerajaan memperkasakan perpaduan kaum?
- I. Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara
 - II. Membentuk Dasar Sosioekonomi Kebangsaan
 - III. Meneruskan sistem persekolahan vernakular
 - IV. Mewartakan pembentukan Majlis Muhibah Negara
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
8. Apakah yang boleh dikatikan dengan kawasan berikut?
- Pasir Gudang di Johor
 - Bayan Lepas di Pulau Pinang
- A. Zon Bebas cukai
 - B. Zon Ekonomi Eksklusif
 - C. Zon Perindustrian Bebas
 - D. Industri Kecil dan Sederhana

9. Kerajaan telah memperkasakan perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam membentuk masyarakat sejahtera?

Mengapa usaha tersebut dilaksanakan?

- A. Melicinkan pentadbiran
- B. Memajukan taraf hidup
- C. Membentuk idnentiti bangsa
- D. Meningkatkan ekonomi negara

10. Maklumat berkaitan kegiatan ekonomi dan petempatan semasa pentadbiran British.

Kaum	Ekonomi dan Petempatan
Melayu	Petani/Luar Bandar
Cina	Perlombongan/Bandar
India	Perladangan/Estet

Apakah kesannya terhadap negara dan bangsa Malaysia selepas merdeka?

- A. Kerenggan hubungan
 - B. Keseimbangan penduduk
 - C. Kepesatan ekonomi
 - D. Kecekapan pengurusan
11. Kerjasama politik pelbagai kaum sudah bermula sebelum merdeka. Apakah parti politik pelbagai kaum yang ditubuhkan sebelum merdeka?

- A. Parti MIC
- B. Parti MCA
- C. Parti UMNO
- D. Parti Perikatan

12. Majlis ini ditubuhkan dengan matlamat untuk mengadakan garis panduan bagi kerjasama kaum. Apakah majlis tersebut?

- A. Majlis Gerakan Negara
- B. Majlis Muhibah negara
- C. Majlis Perpaduan Negara
- D. Majlis Perundingan Negara